

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP/PEND/PKH/10.11/1/2 (39)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

11 November 2009

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Dekan, Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
Universiti Malaysia Pahang
PEKAN

Tuan/Puan

**BAYARAN BANTUAN SARA HIDUP (COLA) KEPADA SEMUA STAF UNIVERSITI
MALAYSIA PAHANG, PEKAN**

Dengan hormatnya saya di arah menarik perhatian mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia (Bahagian Saraan) melalui suratnya Bil. JPA(S)63/57/2 Klt.8 (82) bertarikh 02 November 2009 (salinan dilampirkan) telah menetapkan pemberian kadar bayaran. Elaun Bantuan Sara Hidup hendaklah mengikut tempat kerja (pejabat) pegawai seperti mana dijelaskan dalam perenggan 5, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2007.
3. Sehubungan itu, pihak kami mohon kerjasama tuan agar mengambil perhatian usaha untuk mengekalkan pemberian kadar bayaran Elaun Bantuan Sara Hidup sama rata dengan semua staf di Universiti Malaysia Pahang Kampus Gambang hanya setakat 31 Disember 2009 sebagaimana menurut persetujuan dan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang yang bermesyuarat pada 02 September 2009.

4. Oleh itu, pelaksanaan Elaun Bantuan Sara Hidup kepada semua staf Universiti Malaysia Pahang di Pekan telah ditetapkan menurut keputusan Kerajaan mengikut kawasan iaitu tempat kerja (pejabat) di mana pegawai itu berada iaitu sebanyak RM100.00 sebulan akan **berkuatkuasa mulai 01 Januari 2010.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,



(HAJJ MUSTAFA BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang

s.k. :

Naib Canselor

Bendahari

Timbalan Pendaftar Kanan, UMP Pekan